

PENGHARGAAN KENDIRI DAN PENGARUH RAKAN SEBAYA SEBAGAI FAKTOR PERAMAL KEPADA SIKAP PENYALAHGUNAAN DADAH DALAM KALANGAN BELIA

MOHAMAD ASROL SUBEKI, MAZIDAH MOHD DAGANG* DAN RAJA ZIRWATUL AIDA RAJA IBRAHIM

Fakulti Perniagaan, Ekonomi, dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

*Corresponding author: mazidah@umt.edu.my

<https://doi.org/10.46754/umtjur.v7i2.664>

Submitted: 15 January 2025

Revised: 16 July 2025

Accepted: 16 July 2025

Published: 15 October 2025

Abstrak: Penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Malaysia merupakan isu berterusan yang menuntut perhatian serius. Kajian ini bertujuan mengenal pasti hubungan antara penghargaan sendiri, pengaruh rakan sebaya, dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Kuala Nerus. Kajian kuantitatif ini melibatkan 382 responden dan menggunakan soal selidik untuk mengumpul data. Instrumen yang diaplikasikan termasuk *Rosenberg Self Esteem Scale*, *Peer Pressure Questionnaires* (PPQ-Revised), dan *Drug Related Knowledge, Attitudes, and Beliefs* (KAB). Analisis korelasi menunjukkan hubungan negatif yang signifikan antara penghargaan sendiri dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah. Sebaliknya, pengaruh rakan sebaya tidak menunjukkan hubungan signifikan dengan sikap terhadap penyalahgunaan dadah. Analisis regresi pula mendapati penghargaan sendiri merupakan peramal utama terhadap sikap ini dengan sumbangan sebanyak 69 peratus, manakala pengaruh rakan sebaya menyumbang sebanyak 31 peratus. Hasil kajian mencadangkan agar kaedah intervensi memberi tumpuan kepada pembangunan penghargaan sendiri bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Malaysia.

Kata kunci: Penghargaan sendiri, pengaruh rakan sebaya, penyalahgunaan dadah, belia, Kuala Nerus.

SELF-ESTEEM AND PEER INFLUENCE AS PREDICTORS OF DRUG ABUSE ATTITUDES AMONG YOUTH

Abstract: Drug abuse among youth in Malaysia is an ongoing issue. This study aims to identify the relationship between self-esteem, peer influence, and attitudes towards drug abuse among youth in Kuala Nerus. This quantitative study involved 382 respondents using a questionnaire to collect data. The instruments used were the Rosenberg Self Esteem Scale, Peer Pressure Questionnaires (PPQ-Revised), and Drug Related Knowledge, Attitudes, and Beliefs (KAB). Correlation analysis showed that there was a significant negative relationship between self-esteem and attitudes towards drug abuse. However, peer influence did not show a significant relationship with attitudes towards drug abuse. Regression analysis also found that self-esteem was a significant predictor of this attitude with a finding of 69%, while peer influence showed a smaller effect of 31%. This study suggests that intervention methods can focus on developing self-esteem to address the problem of drug abuse among youth in Malaysia.

Keywords: Self-esteem, peer influence, drug abuse, youth, Kuala Nerus.

Pengenalan

Penyalahgunaan dadah merupakan salah satu isu global yang membawa kesan serius terhadap pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Di Malaysia, masalah ini telah mencapai tahap

membimbangkan, khususnya dalam kalangan belia yang mewakili sebahagian besar populasi negara. Berdasarkan laporan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK, 2022), sebanyak 65

peratus penagih dadah baharu yang direkodkan terdiri daripada golongan belia berumur antara 15 tahun hingga 30 tahun. Situasi ini bukan sahaja memberi kesan negatif terhadap kesihatan fizikal dan mental individu, malah turut menjejaskan ekonomi serta kestabilan sosial negara.

Dalam situasi ini, penting untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku belia terhadap dadah, termasuk pengaruh rakan sebaya dan penghargaan sendiri. Penghargaan sendiri merujuk kepada sejauh mana individu menghargai serta mempercayai kemampuan diri sendiri (Rosenberg, 1965). Menurut Orth *et al.* (2018), individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi cenderung membuat keputusan yang lebih baik serta mampu menahan tekanan sosial. Sebaliknya, individu dengan penghargaan sendiri yang rendah lebih mudah terdedah kepada pengaruh negatif dan tekanan sosial sehingga mendorong mereka kepada tingkah laku berisiko seperti penyalahgunaan dadah.

Selain itu, pengaruh rakan sebaya sering dikenal pasti sebagai salah satu faktor risiko utama dalam penyalahgunaan dadah. Menurut kajian oleh Yu *et al.* (2021), rakan sebaya memainkan peranan penting dalam membentuk sikap dan tingkah laku individu, khususnya belia. Belia yang terdedah kepada pengaruh negatif daripada rakan sebaya lebih cenderung terlibat dalam tingkah laku berisiko termasuk penyalahgunaan dadah. Namun demikian, sokongan positif daripada rakan sebaya juga dapat berfungsi sebagai faktor perlindungan serta menyokong usaha mengurangkan penyalahgunaan dadah. Hal ini memberikan perspektif yang lebih jelas tentang peranan rakan sebaya terhadap kehidupan belia.

Dalam konteks Malaysia, penyalahgunaan dadah di negeri Terengganu merupakan isu yang semakin serius dengan peningkatan jumlah penagih sebanyak 11.4 peratus pada tahun 2022 (AADK, 2022). Terengganu mencatatkan kadar penagih dadah tertinggi mengikut anggaran penduduk, selain menjadi negeri transit utama bagi bekalan dadah ke negeri lain. Trend ini lebih membimbangkan kerana melibatkan belia, generasi peneraju masa depan negara.

Walaupun pengaruh rakan sebaya sering dikenal pasti sebagai faktor utama dalam penyalahgunaan dadah, terdapat jurang literatur dalam meneliti peranan penghargaan sendiri dalam konteks ini. Kajian oleh Nazira Sadiron *et al.* (2023) menunjukkan bahawa penghargaan sendiri yang rendah berkait rapat dengan peningkatan risiko penglibatan dalam penyalahgunaan dadah, manakala individu yang mempunyai ketidakstabilan emosi serta kekurangan keyakinan diri lebih mudah terjerumus ke dalam tingkah laku berisiko. Sementara itu, pengaruh rakan sebaya telah dikenal pasti sebagai faktor utama yang mendorong belia terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Menurut laporan Malaysia Gazette (2023), pengaruh rakan sebaya menyumbang sebanyak 80 peratus kepada kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia.

Walaupun terdapat kajian yang meneliti peranan penghargaan sendiri dan pengaruh rakan sebaya dalam penyalahgunaan dadah secara berasingan, kajian yang menggabungkan kedua-dua faktor tersebut sebagai peramal sikap terhadap penyalahgunaan dadah dalam konteks budaya tempatan masih terhad. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan meneliti bagaimana penghargaan sendiri dan pengaruh rakan sebaya secara bersama mempengaruhi sikap belia terhadap penyalahgunaan dadah di Malaysia, khususnya di kawasan berisiko seperti negeri Terengganu.

Kajian ini memberi tumpuan kepada populasi belia di daerah Kuala Nerus, Terengganu. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka pengaruh rakan sebaya dan penghargaan sendiri dalam membentuk sikap belia terhadap penyalahgunaan dadah. Kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan bermakna kepada strategi pencegahan dadah tempatan dengan mengisi jurang dalam literatur sedia ada. Selain itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang interaksi antara penghargaan sendiri dan pengaruh rakan sebaya dalam menentukan tingkah laku belia.

Objektif dan Hipotesis Kajian

Terdapat empat objektif bagi kajian ini:

- i. Untuk mengenal pasti tahap penghargaan sendiri, tahap pengaruh rakan sebaya, dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Kuala Nerus.
- ii. Untuk mengenal pasti hubungan antara penghargaan sendiri dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Kuala Nerus.
- iii. Untuk mengenal pasti hubungan antara pengaruh rakan sebaya dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Kuala Nerus.
- iv. Untuk mengenal pasti peramal utama terhadap sikap penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Kuala Nerus.

Oleh itu, terdapat beberapa hipotesis dalam kajian ini. Hipotesis adalah seperti berikut:

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Kuala Nerus.

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh rakan sebaya dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Kuala Nerus.

H1: Penghargaan sendiri dan pengaruh rakan sebaya merupakan faktor peramal yang mempengaruhi sikap terhadap penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Kuala Nerus.

Sorotan Literatur

Penghargaan Kendiri

Penghargaan sendiri merujuk kepada sejauh mana seseorang menilai dirinya sendiri, termasuk keyakinan terhadap nilai peribadi dan kebolehannya. Menurut Neff (2011; dalam Siti Khadijah *et al.*, 2021) dan Wadjar *et al.* (2023), konsep ini melibatkan penilaian positif dan negatif terhadap diri sendiri. Orth dan Robins (2022) pula membahagi penghargaan sendiri kepada dua kategori iaitu global dan domain khusus. Penghargaan sendiri global

mencerminkan penilaian menyeluruh terhadap nilai diri seseorang, manakala penghargaan sendiri domain khusus merujuk kepada penilaian terhadap aspek tertentu, contohnya pencapaian akademik atau penampilan fizikal. Dimensi ini membantu dalam memahami cara individu menilai nilai dan kemampuan diri mereka sendiri.

Kajian terdahulu mendapati penghargaan sendiri memainkan peranan penting dalam menentukan kesejahteraan psikologi dan emosi individu. Brown *et al.* (2006) dan Abdulghani *et al.* (2020) menyatakan individu yang mempunyai penghargaan sendiri positif cenderung lebih berkeyakinan, mampu menghadapi cabaran serta kurang terdedah kepada kemurungan. Sebaliknya, penghargaan sendiri yang rendah meningkatkan risiko tingkah laku berisiko seperti penyalahgunaan bahan terlarang (Orth *et al.*, 2018). Harris dan Orth (2019) turut menekankan bahawa hubungan sosial yang baik dapat menyumbang kepada peningkatan penghargaan sendiri sepanjang hayat. Individu dengan penghargaan sendiri positif lebih berdaya tahan terhadap cabaran emosi, manakala penghargaan sendiri yang rendah lebih cenderung mengalami kemurungan dan terlibat dalam tingkah laku berisiko.

Pengaruh Rakan Sebaya

Rakan sebaya merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi tingkah laku individu, khususnya dalam kalangan belia. Pengaruh rakan sebaya boleh bertindak secara positif atau negatif. Bukowski *et al.* (2018) mentakrifkan pengaruh rakan sebaya sebagai kesan langsung yang diberikan oleh rakan sebaya terhadap sikap dan tindakan seseorang individu. Kajian Liu *et al.* (2020) menekankan bahawa pengaruh rakan sebaya positif dapat mendorong tingkah laku sihat dan prososial, termasuk pencapaian akademik serta penglibatan sosial. Selain itu, pengaruh rakan sebaya juga menjadi pendorong kepada tingkah laku positif, sama ada dalam aspek pencapaian akademik mahupun prososial. Jelaslah bahawa peranan rakan sebaya amat penting dalam membentuk sikap belia.

Walau bagaimanapun, pengaruh rakan sebaya negatif sering dikaitkan dengan peningkatan risiko tingkah laku berbahaya seperti penyalahgunaan bahan. McGloin dan Thomas (2019) mendapati bahawa individu yang kerap bergaul dengan rakan yang terlibat dalam tingkah laku antisosial lebih cenderung menyalahgunakan dadah. Kajian tempatan oleh Nurhazlina *et al.* (2019) pula menunjukkan pengaruh rakan lama boleh mencetuskan relapse dalam kalangan bekas penagih dadah. Pada peringkat antarabangsa, kajian oleh Khan *et al.* (2021) mendapati bahawa 71 peratus belia di Pakistan menganggap pengaruh rakan sebaya sebagai faktor utama yang mendorong mereka kepada ketagihan dadah. Oleh itu, kajian tempatan dan antarabangsa membuktikan pengaruh rakan sebaya merupakan faktor dominan dalam ketagihan dadah belia.

Sikap terhadap Penyalahgunaan Dadah

Sikap terhadap penyalahgunaan dadah merujuk kepada pandangan, kepercayaan, dan perasaan individu terhadap penggunaan bahan terlarang. Kajian oleh Jang *et al.* (2023) mendapati bahawa stigma masyarakat terhadap penagih dadah sering menjadi penghalang utama bagi mereka untuk mendapatkan rawatan. Di Malaysia, kajian Nurul Shafini *et al.* (2022) melaporkan bahawa majoriti remaja memiliki sikap negatif terhadap penagih dadah, serta menganggap penagih bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keadaan mereka sendiri. Sikap terhadap penyalahgunaan dadah dipengaruhi oleh stigma masyarakat, dan stigma tersebut sering menjadi penghalang untuk penagih mendapatkan rawatan. Kajian menunjukkan bahawa sikap negatif masyarakat terhadap penagih semakin memperburuk keadaan mereka.


Dapatan-dapatan ini menunjukkan bahawa faktor seperti penghargaan sendiri, pengaruh rakan sebaya, dan stigma masyarakat saling

berkait rapat dalam membentuk sikap terhadap penyalahgunaan dadah. Memahami faktor-faktor tersebut penting dalam usaha merangka intervensi yang lebih berkesan untuk menangani masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia.

Beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa penghargaan sendiri dan pengaruh rakan sebaya bukan sahaja berkaitan secara langsung dengan penyalahgunaan dadah, malah turut berperanan sebagai faktor peramal yang signifikan terhadap sikap individu terhadap penggunaan bahan terlarang. Sebagai contoh, kajian Shaheen *et al.* (2021) yang dijalankan dalam kalangan remaja di Pakistan mendapati penghargaan sendiri yang rendah menjadi peramal signifikan kepada sikap positif terhadap penyalahgunaan dadah. Sebaliknya, individu dengan penghargaan sendiri yang tinggi cenderung memiliki sikap negatif terhadap penggunaan bahan tersebut.

Selain itu, kajian Babiker *et al.* (2020) mendapati pengaruh rakan sebaya menyumbang secara signifikan kepada pembentukan sikap permisif terhadap dadah dalam kalangan belia di Sudan. Hal ini disokong oleh dapatan kajian Azizah dan Hashim (2023) di Malaysia, yang menunjukkan bahawa tekanan serta penerimaan sosial daripada rakan sebaya merupakan antara peramal utama kepada sikap liberal terhadap pengambilan dadah dalam kalangan remaja lelaki di kawasan bandar.

Kajian-kajian ini memberikan sokongan empirikal bahawa kedua-dua konstruk, iaitu penghargaan sendiri dan pengaruh rakan sebaya, wajar diteliti secara bersama sebagai faktor peramal sikap terhadap penyalahgunaan dadah dan bukan sekadar faktor risiko yang berdiri sendiri. Penelitian terhadap peranan konstruk tersebut secara gabungan dalam konteks budaya tempatan dapat menambah nilai kepada strategi pencegahan yang bersesuaian dengan persekitaran sosial dan psikologi belia Malaysia.



Rajah 1: Kerangka Teoritikal

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Pendekatan tersebut dipilih untuk membolehkan pengkaji mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah utama kajian, iaitu penghargaan sendiri, pengaruh rakan sebaya, dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi belia di Kuala Nerus ialah seramai 46,500 (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2023). Populasi kajian ini melibatkan belia berumur antara 20 tahun hingga 29 tahun di kawasan Kuala Nerus. Sampel sebenar yang diperlukan adalah seramai 382 orang mengikut Jadual Krejicie Morgan dan perisian Raosoft. Responden telah dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah, terdiri daripada individu yang tidak pernah mengambil dadah. Sehubungan itu, Google Form yang diedarkan kepada bakal responden telah menjelaskan ciri-ciri yang diperlukan, iaitu belia berumur 20 tahun hingga 29 tahun, tinggal di Kuala Nerus, dan belum terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Selain itu, pemilihan sampel ini bertujuan memastikan representasi yang menyeluruh daripada segi sosiodemografi seperti umur, jantina, dan etnik.

Instrumen Kajian

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian, iaitu *Rosenberg Self-Esteem Scale (RSES)*, *Peer Pressure Questionnaire*

(*PPQ-Revised*), dan *Drug-Related Knowledge, Attitudes, and Beliefs (KAB)*. Ketiga-tiga instrumen ini telah disesuaikan mengikut konteks kajian dan menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik berdasarkan nilai alfa Cronbach.

RSES digunakan untuk mengukur tahap penghargaan sendiri responden. Instrumen ini terdiri daripada 10 item dengan format skala Likert 4 mata, bermula daripada “Sangat Tidak Setuju” (0) hingga “Sangat Setuju” (4). Terdapat lima item positif dan lima item negatif yang memerlukan skor diterbalikkan semasa analisis. Dalam kajian ini, nilai kebolehpercayaan Cronbach’s Alpha yang diperoleh adalah tinggi iaitu 0.824 ($M = 19.29$, $SD = 5.17$).

(*PPQ-Revised*) digunakan untuk mengukur tahap penghargaan sendiri responden. Instrumen ini mengandungi 10 item dengan format skala Likert 4 mata, bermula daripada “Sangat Tidak Setuju” (0) hingga “Sangat Setuju” (4). Skala ini terdiri daripada lima item berbentuk positif dan lima item berbentuk negatif, dan skor perlu dibalikkan semasa analisis dijalankan. Dalam kajian ini, nilai kebolehpercayaan alfa Cronbach yang diperoleh adalah tinggi, iaitu 0.824 ($M = 19.29$, $SD = 5.17$).

Instrumen KAB digunakan untuk mengukur sikap terhadap penyalahgunaan dadah. Instrumen ini pada asalnya mempunyai 39 item serta dibahagikan kepada dua format jawapan. Sebanyak 35 item menggunakan skala Likert lima tahap, manakala empat item

lain menggunakan format jawapan dua mata, iaitu "Ya" atau "Tidak". Walau bagaimanapun, penggunaan kedua-dua jenis skala dalam satu instrumen boleh menimbulkan kesukaran dalam analisis data. Hal ini kerana analisis data memerlukan keseragaman dalam format skala untuk memastikan kebolehpercayaan keputusan yang diperoleh. Sehubungan itu, keempat-empat item yang menggunakan skala dua mata telah digugurkan daripada instrumen ini untuk mengekalkan konsistensi skala pengukuran.

Menurut Cohen *et al.* (2018), penggunaan skala seragam dapat meningkatkan kebolehpercayaan serta kecekapan dalam analisis data. Langkah ini selari dengan panduan metodologi penyelidikan yang menekankan kepentingan penggunaan skala seragam untuk menghasilkan data yang lebih konsisten dan boleh dipercayai. Bagi memastikan kesahihan kandungan instrumen, proses pengesahan telah dilaksanakan dengan melibatkan tiga orang pakar penilai yang berkemahiran dalam bidang penyalahgunaan dadah. Instrumen ini merangkumi penilaian terhadap tiga dimensi utama, iaitu pengetahuan, sikap dan kepercayaan berkaitan penyalahgunaan dadah. Semua item dinilai berdasarkan skala Likert lima tahap, bermula daripada "Sangat Tidak Setuju" (0) hingga "Sangat Setuju" (5). Dari aspek kebolehpercayaan, nilai alfa Cronbach bagi instrumen KAB ialah 0.721 yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan mencukupi. Purata skor (M) ialah 112.38 dengan sisihan piawai (SD) sebanyak 12.34.

Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dilakukan secara dalam talian melalui Google Forms. Kaedah ini dipilih kerana kelebihanannya yang memudahkan penyertaan, terutama dalam kalangan belia yang biasa menggunakan teknologi digital.

Analisis Data

Data yang dikumpul telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27. Analisis deskriptif dilaksanakan untuk meneroka ciri demografi responden, manakala analisis korelasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah. Selain itu, analisis regresi pelbagai digunakan untuk mengenal pasti pemboleh ubah peramal terhadap sikap penyalahgunaan dadah, selaras dengan objektif kajian.

Hasil Kajian

Hasil Analisis Demografi

Hasil analisis demografi bagi latar belakang responden yang ditunjukkan dalam Jadual 1 melibatkan 382 orang belia dengan majoriti responden merupakan perempuan (56.5%), manakala selebihnya lelaki (43.5%). Dari segi umur, didapati kumpulan terbesar adalah belia berumur 20 tahun hingga 21 tahun (36.4%), diikuti oleh belia berumur 22 tahun hingga 23 tahun (34.8%). Seterusnya, kumpulan umur 24 tahun hingga 25 tahun menyumbang sebanyak 10.7 peratus daripada keseluruhan responden, manakala kumpulan umur 26 tahun hingga 27 tahun hanya merangkumi 1.8 peratus dan kumpulan umur 28 tahun hingga 29 tahun mewakili 16.2 peratus.

Dari segi etnik, dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar responden terdiri daripada etnik Melayu (93.5%), manakala 3.4 peratus berbangsa India, 2.4 peratus berbangsa Cina, dan selebihnya (0.8%) daripada kaum lain. Selain itu, sebahagian besar responden beragama Islam (94.2%) diikuti Hindu (3.4%) dan Buddha (2.4%). Dari segi pekerjaan, majoriti responden (75.7%) tidak bekerja, menunjukkan bahawa kebanyakan responden merupakan pelajar. Sebaliknya, hanya 24.3% responden bekerja. Profil demografi ini memberikan konteks penting untuk memahami pengaruh faktor sosial dan budaya terhadap hubungan antara penghargaan sendiri, pengaruh rakan sebaya, dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah.

Jadual 1: Taburan demografi responden

Demografi	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Jantina		
<i>Lelaki</i>	166	43.5
<i>Perempuan</i>	216	56.5
Umur		
<i>20-21 Tahun</i>	139	36.4
<i>22-23 Tahun</i>	133	34.8
<i>24-25 Tahun</i>	41	10.7
<i>26-27 Tahun</i>	7	1.8
<i>28-29 Tahun</i>	62	16.2
Bangsa		
<i>Melayu</i>	357	93.5
<i>Cina</i>	9	2.4
<i>India</i>	13	3.4
<i>Lain-lain</i>	3	0.8
Agama		
<i>Islam</i>	360	94.2
<i>Buddha</i>	9	2.4
<i>Hindu</i>	13	3.4
Pekerjaan		
<i>Bekerja</i>	93	24.3
<i>Tidak Bekerja</i>	289	75.7

Hasil Analisis Deskriptif

Jadual 2 menunjukkan taburan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan responden. Majoriti responden mempunyai tahap penghargaan sendiri sederhana sebanyak 219

orang (57.3%). Selain itu, seramai 107 orang (28.0%) berstatus tahap penghargaan sendiri rendah, manakala hanya 56 orang (14.7%) berstatus tahap penghargaan sendiri tinggi. Keseluruhan responden berjumlah 382 orang.

Jadual 2: Taburan Tahap Penghargaan Kendiri

Tahap	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Rendah	107	28.0
Sederhana	219	57.3
Tinggi	56	14.7
Jumlah	382	100.0

Jadual 3 menunjukkan taburan tahap tekanan rakan sebaya yang dialami oleh responden. Kebanyakan responden mempunyai tahap tekanan rakan sebaya yang rendah, seramai 240

orang (62.8%). Sebanyak 104 orang (27.2%) mempunyai tahap tekanan sederhana, manakala hanya 38 orang (9.9%) mempunyai tahap tekanan tinggi, menjadikan jumlah keseluruhan responden sebanyak 382 orang.

Jadual 3: Taburan tahap tekanan rakan Sebaya

Tahap	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Rendah	240	62.8
Sederhana	104	27.2
Tinggi	38	9.9
Jumlah	382	100.0

Jadual 4 menunjukkan taburan tahap pengetahuan (*Knowledge*), sikap (*Attitudes*), dan kepercayaan (*Beliefs*) dalam kalangan responden. Bagi domain pengetahuan, majoriti responden seramai 272 orang (71.2%) berada pada tahap sederhana. Sebanyak 59 orang (15.4%) mencatatkan tahap rendah, manakala 51 orang responden (13.4%) berada pada tahap tinggi. Min bagi domain ini ialah 1.98 dan sisihan piawai 0.54.

Dalam domain sikap, majoriti responden mempunyai tahap sederhana, seramai 261 orang

(68.3%), manakala 64 orang (16.8%) berada pada tahap tinggi, dan sebanyak 57 orang pada tahap rendah (14.9%). Nilai min ialah 2.02 dan sisihan piawai ialah 0.56.

Bagi domain kepercayaan, seramai 299 responden (78.3%) berada pada tahap sederhana, 72 orang (18.8%) berada pada tahap tinggi, manakala 11 orang responden berada pada tahap rendah (2.9%). Min bagi domain ini adalah 2.16 dan sisihan piawai ialah 0.44. Secara keseluruhan, jumlah responden yang terlibat seramai 382 orang bagi setiap domain.

Jadual 4: Taburan tahap pengetahuan (*knowledge*), sikap (*attitude*), dan kepercayaan (*beliefs*)

Tahap	Min ± SP	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Pengetahuan	1.98 ± 0.54		
Rendah		59	15.4
Sederhana		272	85.6
Tinggi		51	14.4
Jumlah		382	100.0
Sikap	2.02 ± 0.56		
Rendah		57	14.9
Sederhana		261	68.3
Tinggi		64	16.8
Jumlah		382	100.0
Kepercayaan	2.16 ± 0.44		
Rendah		11	2.9
Sederhana		299	78.3
Tinggi		72	18.8
Jumlah		382	100.0

Jadual 5 memaparkan taburan tahap pengetahuan (*Knowledge*), sikap (*Attitudes*), dan kepercayaan (*Beliefs*) secara keseluruhan dalam kalangan responden. Seramai 56 orang responden berada pada tahap rendah (14.7%),

279 responden (73.0%) berada pada tahap sederhana, manakala 47 responden (12.3%) berada pada tahap tinggi. Min keseluruhan ialah 1.98 dengan sisihan piawai 0.52. Jumlah responden keseluruhan ialah 382 orang.

Jadual 5: Taburan tahap pengetahuan (*knowledge*), sikap (*attitudes*), dan kepercayaan (*beliefs*) keseluruhan

Tahap	Min ± SP	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
Pengetahuan, Sikap, dan Kepercayaan	1.98 ± 0.52		
Rendah		56	14.7
Sederhana		279	73.0
Tinggi		47	12.3
Jumlah		382	100.0

Hasil Analisis Inferensi

Ujian Korelasi Pearson

Jadual 6 menunjukkan analisis korelasi Pearson antara penghargaan sendiri dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah. Terdapat hubungan negatif yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut ($r = -0.218$, $p < 0.01$).

Dapatan ini menunjukkan bahawa individu dengan tahap penghargaan sendiri yang tinggi cenderung mempunyai sikap yang lebih negatif terhadap penyalahgunaan dadah, sekali gus menjadikannya faktor pelindung penting terhadap tingkah laku berisiko.

Jadual 6: Hubungan antara penghargaan sendiri dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah

Pemboleh Ubah	Sikap terhadap Penyalahgunaan Dadah (r)
Penghargaan Kendiri	-.218**
$(p < 0.01)$	

Sebaliknya, analisis korelasi antara pengaruh rakan sebaya dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah dalam Jadual 7 menunjukkan tiada hubungan signifikan ($r = -0.016$, $p > 0.05$). Hasil ini menunjukkan bahawa

pengaruh rakan sebaya mungkin bukan faktor utama yang mempengaruhi sikap terhadap penyalahgunaan dadah, walaupun dalam situasi tertentu pengaruh tersebut boleh bertindak sebagai pemangkin.

Jadual 7: Hubungan antara pengaruh rakan sebaya dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah

Pemboleh Ubah	Sikap terhadap Penyalahgunaan Dadah (r)
Pengaruh Rakan Sebaya	-.016
$(p > 0.05)$	

Ujian Regresi Pelbagai

Hasil analisis regresi pelbagai digunakan untuk mengenal pasti sejauh mana pengaruh rakan

sebaya (*peer pressure*) dan penghargaan sendiri (*self-esteem*) dapat meramalkan sikap terhadap penyalahgunaan dadah.

Jadual 8: Hasil analisis ANOVA bagi model regresi

	Model	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig.
1	Regresi	3513.759	2	1756.880	12.137	.000 ^b
	Baki	54862.680	379	144.756		
	Jumlah	58376.440	381			

a. Pemboleh Ubah Bersandar: KAB

b. Peramal: Pemalar, PPQ, RSES

Keputusan dalam Jadual 8 menunjukkan bahawa model regresi signifikan ($F(2,379) = 12.137, p < 0.001$), dengan nilai $R^2 = 0.060$. Hal

ini bermaksud sebanyak 6.0 peratus daripada variasi sikap terhadap penyalahgunaan dadah dapat dijelaskan oleh gabungan kedua-dua pemboleh ubah tersebut.

Jadual 9: Analisis regresi antara penghargaan sendiri dan pengaruh rakan sebaya terhadap sikap penyalahgunaan dadah

	Model	Pekali Tidak Piawai		Pekali Piawai	t	Sig.
		Ralat Piawai	Beta			
1	Pemalar	129.965	4.117		31.566	.000
	RSES	-.638	.130	-.267	-4.916	.000
	PPQ	-.104	.046	-.122	-2.253	.025

a. Pemboleh Ubah Bersandar: KAB

Jadual 9 menunjukkan bahawa penghargaan sendiri merupakan peramal negatif yang signifikan ($\beta = -0.638, p < 0.001$), menandakan bahawa peningkatan satu unit dalam penghargaan sendiri dapat mengurangkan sikap positif terhadap penyalahgunaan dadah sebanyak 0.638 unit apabila pengaruh rakan sebaya dikawal. Sementara itu, pengaruh rakan sebaya juga didapati sebagai peramal negatif yang signifikan ($\beta = -0.104, p = 0.025$), namun kesannya lebih kecil berbanding dengan penghargaan sendiri.

Jelaslah bahawa dapatan kajian ini menunjukkan penghargaan sendiri mempunyai peranan yang lebih besar dalam mempengaruhi sikap terhadap penyalahgunaan dadah berbanding pengaruh rakan sebaya yang memberi kesan lebih kecil.

Perbincangan

Kajian ini menunjukkan bahawa penghargaan sendiri memainkan peranan penting dalam membentuk sikap belia terhadap penyalahgunaan

dadah. Terdapat hubungan negatif yang signifikan antara penghargaan sendiri dengan sikap terhadap penyalahgunaan dadah, yang menunjukkan belia yang memiliki tahap penghargaan sendiri tinggi lebih cenderung menolak dadah. Penemuan ini secara langsung menjawab hipotesis pertama kajian, iaitu wujud hubungan signifikan antara penghargaan sendiri dengan sikap terhadap penyalahgunaan dadah.

Hasil ini selari dengan dapatan Song *et al.* (2024) yang mendapati penghargaan sendiri yang tinggi dikaitkan dengan sikap negatif terhadap penggunaan bahan terlarang dalam kalangan pelajar universiti di Korea Selatan. Kajian tersebut menunjukkan bahawa individu dengan penghargaan sendiri yang tinggi mempunyai keupayaan untuk membuat keputusan yang lebih bertanggungjawab serta mampu menahan tekanan sosial. Selain itu, kajian oleh Zeng *et al.* (2024) turut menyokong dapatan ini, menyatakan bahawa penghargaan sendiri bertindak sebagai mediator signifikan

dalam hubungan antara memori ketagihan, fungsi keluarga dan gejala kemurungan dalam kalangan pengguna dadah di Hubei, China. Kajian ini menekankan bahawa penghargaan sendiri yang tinggi mampu membina daya tahan psikologi yang kukuh, sekali gus berperanan penting dalam pencegahan tekanan sosial untuk mencuba dadah.

Walau bagaimanapun, hasil analisis korelasi menunjukkan bahawa tiada hubungan signifikan antara pengaruh rakan sebaya dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah. Penemuan ini menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya mungkin bukan faktor utama dalam mempengaruhi sikap terhadap penyalahgunaan dadah, terutamanya dalam populasi yang mempunyai sokongan keluarga yang kukuh serta nilai peribadi yang kuat. Hasil ini selari dengan kajian Johnson dan Ross (2023) yang mendapati bahawa dalam konteks keluarga yang kukuh dan nilai peribadi yang mantap, pengaruh rakan sebaya kurang memberi kesan terhadap sikap belia. Dapatan ini bertentangan dengan kajian Radetić-Paić (2020) yang melaporkan bahawa pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan signifikan dengan penggunaan dadah dalam kalangan pelajar universiti di Croatia. Perbezaan ini menunjukkan bahawa kesan pengaruh rakan sebaya bergantung pada faktor kontekstual seperti latar belakang sosial, budaya dan tahap penghargaan sendiri individu.

Selain itu, hasil analisis regresi pelbagai mendapati bahawa penghargaan sendiri memberikan pengaruh yang lebih besar terhadap sikap terhadap penyalahgunaan dadah berbanding pengaruh rakan sebaya. Penemuan ini menjelaskan bahawa penghargaan sendiri yang tinggi membantu belia membuat keputusan yang lebih bertanggungjawab serta menolak tekanan sosial untuk mencuba bahan terlarang. Dapatan ini selaras dengan kajian Musarrf dan Al-Abd (2024) yang mendapati penghargaan sendiri rendah merupakan faktor risiko yang signifikan serta berkait rapat dengan penyalahgunaan bahan terlarang dalam kalangan belia lelaki di Aden, Yaman. Sebaliknya, kajian oleh Allen *et al.* (2024) menunjukkan pengaruh

rakan sebaya mempunyai hubungan jangka panjang terhadap perkembangan psikososial belia, termasuk kecenderungan kepada tingkah laku delinkuen dan penyalahgunaan dadah. Kajian ini menekankan bahawa pengaruh rakan sebaya boleh menjadi faktor dominan dalam mempengaruhi sikap dan tingkah laku belia terhadap penggunaan bahan terlarang.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penghargaan sendiri memainkan peranan penting dalam membentuk sikap belia terhadap penyalahgunaan dadah. Belia dengan penghargaan sendiri yang tinggi lebih berdaya tahan terhadap tekanan sosial dan mampu membuat keputusan yang lebih bertanggungjawab. Sebaliknya, ketiadaan hubungan signifikan antara pengaruh rakan sebaya dan sikap terhadap dadah menunjukkan bahawa faktor lain, seperti sokongan keluarga atau faktor tambahan, mungkin lebih dominan. Kajian ini memberikan pemahaman baharu tentang faktor yang mempengaruhi sikap belia terhadap isu penyalahgunaan dadah.

Batasan dan Cadangan

Kajian ini memberikan gambaran mendalam mengenai peranan penghargaan sendiri dan pengaruh rakan sebaya dalam membentuk sikap belia terhadap penyalahgunaan dadah. Dapatan menunjukkan bahawa penghargaan sendiri mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan sikap terhadap penyalahgunaan dadah, menjadikannya faktor penting dalam pencegahan meskipun pengaruh rakan sebaya tidak menunjukkan hubungan signifikan. Hasil analisis regresi juga menunjukkan bahawa pembolehubah ini masih memberikan sumbangan kecil sebagai peramal sikap belia. Penemuan ini menyediakan asas kukuh untuk membangunkan intervensi yang menumpukan kepada peningkatan penghargaan sendiri serta pengurangan pengaruh negatif daripada rakan sebaya.

Kajian ini mempunyai beberapa batasan yang perlu diberi perhatian, khususnya daripada aspek skop yang terhad serta faktor masa. Skop kajian yang terhad hanya melibatkan belia di

daerah Kuala Nerus, menyebabkan dapatan sukar digeneralisasikan kepada populasi lain dengan latar belakang sosial, budaya dan demografi yang berbeza. Oleh itu, hasil kajian ini mungkin tidak mencerminkan sepenuhnya variasi sikap belia terhadap penyalahgunaan dadah di kawasan lain, khususnya yang berbeza daripada segi geografi, sosioekonomi atau budaya.

Selain itu, dimensi masa tidak diambil kira dalam kajian ini. Hal ini menjadikan kajian tersebut bersifat statik kerana tidak menilai perubahan penghargaan sendiri serta pengaruh rakan sebaya terhadap sikap belia dalam jangka masa panjang. Kajian rentas masa sebegini juga tidak mampu menunjukkan perkembangan atau perubahan faktor tersebut mengikut konteks sosial dan persekitaran.

Untuk mengatasi limitasi ini, beberapa cadangan boleh dikemukakan. Pertama, kajian lanjutan yang melibatkan populasi daripada pelbagai latar belakang geografi, budaya dan sosioekonomi perlu dilaksanakan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kebolegunaan hasil kajian, malah memberikan pandangan lebih holistik mengenai faktor yang mempengaruhi sikap belia terhadap penyalahgunaan dadah. Kajian kualitatif atau campuran juga sesuai dipertimbangkan untuk memperoleh pemahaman lebih mendalam tentang dinamika sosial dan faktor psikologi yang mempengaruhi sikap belia.

Kedua, pendekatan longitudinal perlu diterapkan dalam kajian masa depan bagi memahami perubahan penghargaan sendiri serta pengaruh rakan sebaya sepanjang masa. Kajian longitudinal boleh memberikan gambaran lebih jelas mengenai hubungan sebab-akibat antara pemboleh ubah dan bagaimana perkara tersebut berubah mengikut fasa kehidupan belia. Pendekatan ini juga membantu mengenal pasti titik intervensi yang sesuai untuk meningkatkan penghargaan sendiri serta mengurangkan pengaruh rakan sebaya yang negatif.

Dengan mengambil kira cadangan ini, kajian pada masa hadapan berpotensi memberikan gambaran yang lebih komprehensif dan sesuai

dengan keperluan populasi yang lebih luas. Pendekatan ini juga dapat memastikan strategi pencegahan yang dibangunkan lebih relevan dan menyeluruh, serta memperkuat usaha membendung penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia.

Kesimpulan

Kajian ini memberikan pemahaman lebih mendalam berasaskan data empirikal tentang bagaimana penghargaan sendiri dan pengaruh rakan sebaya mempengaruhi sikap terhadap penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di Kuala Nerus. Dapatan menunjukkan bahawa penghargaan sendiri memainkan peranan signifikan sebagai faktor pelindung, dengan hubungan negatif yang ketara antara penghargaan sendiri dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah. Belia yang mempunyai tahap penghargaan sendiri tinggi cenderung membuat keputusan bertanggungjawab serta menolak tekanan sosial untuk mencuba bahan terlarang.

Sebaliknya, analisis mendapati pengaruh rakan sebaya tidak mempunyai hubungan signifikan dengan sikap terhadap penyalahgunaan dadah. Namun, hasil regresi menunjukkan pengaruh rakan sebaya tetap memberikan sumbangan kecil sebagai peramal sikap terhadap penyalahgunaan dadah. Hal ini menunjukkan kesan pengaruh rakan sebaya mungkin dipengaruhi faktor kontekstual seperti latar belakang sosial dan budaya tertentu. Penemuan tersebut mengukuhkan keperluan strategi intervensi yang menumpukan usaha meningkatkan penghargaan sendiri dalam kalangan belia, sekali gus membantu mereka membina daya tahan terhadap penyalahgunaan dadah.

Dapatan kajian ini memberikan sumbangan penting kepada literatur sedia ada dengan menawarkan pandangan empirikal yang bermakna mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi sikap belia terhadap gejala penyalahgunaan dadah. Kajian ini juga menekankan kepentingan pendekatan pencegahan yang holistik serta merangkumi

pelbagai aspek seperti pembangunan sendiri, hubungan sosial yang positif, dan peningkatan kesedaran masyarakat.

Oleh itu, dapatan kajian ini memperkuat pemahaman tentang keperluan pelaksanaan program pembangunan sendiri yang berfokus pada peningkatan penghargaan sendiri sebagai langkah pencegahan utama. Selain itu, strategi yang mengambil kira konteks budaya dan sosial setempat perlu dirancang untuk memastikan intervensi lebih berkesan. Dengan pendekatan ini, usaha mencegah penyalahgunaan dadah dapat disesuaikan dengan realiti kehidupan belia, sekali gus membentuk generasi muda yang lebih sihat, yakin, dan berdaya tahan.

Penghargaan

Penyelesaian kajian ini tidak akan dapat dicapai tanpa bimbingan, sokongan, dan dorongan daripada beberapa individu. Dengan penuh rasa penghargaan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada penyelia saya atas panduan yang diberikan, maklum balas membina, serta sokongan tidak berbelah bahagi sepanjang proses penyelidikan ini. Kepakaran dan bimbingan beliau menjadi pemangkin utama dalam membentuk arah dan kualiti kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga saya, yang sentiasa memberikan dorongan serta sokongan tanpa syarat dan menjadi sumber kekuatan serta motivasi sepanjang kajian ini. Keyakinan mereka terhadap kebolehan saya menjadi pamacu utama untuk mencapai kejayaan ini. Kepada rakan-rakan dan sahabat seperjuangan, saya amat berterima kasih atas sokongan, pemahaman, dan bantuan yang diberikan sepanjang perjalanan ini. Sokongan serta persahabatan mereka menjadi sumber inspirasi dan ketenangan ketika menghadapi saat-saat mencabar.

Kajian ini adalah bukti kepada usaha kolektif semua pihak yang percaya kepada saya, dan saya dengan rendah hati amat menghargai segala sumbangan mereka.

Pernyataan Konflik Kepentingan

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan penyelidikan atau pengarangannya dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdulghani, A. H., Almelhem, M., Basmaih, G., Alhumud, A., Alotaibi, R., Wali, A., & Abdulghani, H. M. (2020). Does self-esteem lead to high achievement of the science college's students? A study from the six health science colleges. *Saudi Journal of Biological Sciences*, 27(2), 636-642. <https://doi.org/10.1016/j.sjbs.2019.11.026>
- Allen, J. P., Costello, M. A., Stern, J. A., & Bailey, N. (2024). Beyond delinquency and drug use: Links of peer pressure to long-term adolescent psychosocial development. *Development and Psychopathology*, 1-11. <https://doi.org/10.1017/s0954579424001482>
- Azizah, N., & Hashim, R. (2023). The influence of peer groups on youth attitudes towards drug use in Malaysian urban settings. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 18(1), 59-72.
- Babiker, M., Osman, M., & Ali, A. (2020). Peer pressure and youth attitudes towards drug use in Sudan: A predictive study. *African Journal of Substance Abuse Research*, 18(2), 45-52.
- Bukowski, W. M., Laursen, B., & Rubin, K. H. (Eds.). (2018). *Handbook of peer interactions, relationships, and groups* (2nd ed.). The Guilford Press.
- Buku Maklumat Dadah 2022 – Agensi Antidadah Kebangsaan. (n.d.). www.adk.gov.my. <https://www.adk.gov.my/buku-maklumat-dadah-2022/>
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2018). *Research methods in education*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315456539>
- Jang, K. W., Lee, H. K., Park, B. J., Kang, H.-C., Lee, S.-K., Kim, C.-H., Nam, S. K., & Roh, D. (2023). Social stigma and discrimination

- toward people with drug addiction: A national survey in Korea. *Psychiatry Investigation*, 20(7), 671-680. <https://doi.org/10.30773/pi.2023.0065>
- Johnson, R. (2023). *Youth and drug addiction: Trends and solutions*. London: Healthcare Publications.
- Liu, L., Xu, L., Xiao, X., Liu, L., & Li, Y. (2020). Positive influence of peers' interpersonal character on children's interpersonal character: The moderating role of children's and peers' social status. *Journal of Adolescence*, 79, 157-172. <https://doi.org/10.1016/j.adolescence.2020.01.003>
- Malaysia Gazette. (2023, Jun 11). Pengaruh rakan sebaya faktor utama terjebak dadah – Fadzli. <https://malaysiagazette.com/2023/06/11/pengaruh-rakan-sebaya-faktor-utama-terjebak-dadah-fadzli/>
- McGloin, J. M., & Thomas, K. J. (2019). Peer influence and delinquency. *Annual Review of Criminology*, 2(1), 241-264. <https://doi.org/10.1146/annurev-criminol-011518-024551>
- Musarrg, S., & Al-Abd, N. (2024). Risk factors for substance use among male secondary school students in Aden Governorate. *Electronic Journal of University of Aden for Basic and Applied Sciences*, 5(3), 331-337. <https://doi.org/10.47372/ejua-ba.2024.3.379>
- Mohd Ariffin, N., Che Mohd Nasir, N., & Kamaluddin, M. R. (2019). Faktor-faktor Penagihan Semula dalam Kalangan Belia. <https://www.iyres.gov.my/images/MJYS/2019/MJYS%20Vol%2020%20June%202019-73-83.pdf>
- Nurul Shafini Shafurdin, N. A. (2022). Pengetahuan dan sikap terhadap dadah dalam kalangan remaja di Malaysia. *Prosiding Seminar Kaunseling, Sains Sosial & Pendidikan* (pp. 164-178). Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/371948798_Pengetahuan_dan_Sikap_terhadap_Dadah_dalam_Kalangan_Remaja_di_Malaysia#fullTextFileContent
- Orth, U., Erol, R. Y., & Luciano, E. C. (2018). Development of self-esteem from age 4 to 94 years: A meta-analysis of longitudinal studies. *Psychological Bulletin*, 144(10), 1045-1080. <https://doi.org/10.1037/bul0000161>
- Orth, U., & Robins, R. W. (2022). Is high self-esteem beneficial? Revisiting a classic question. *American Psychologist*, 77(1), 5-17. <https://doi.org/10.1037/amp0000922>
- Radetić-Paić, M. (2020). Peer pressure and the use of drugs among university students. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 8(3), 1220-1226. <https://doi.org/10.18510/hssr.2020.83124>
- Rosenberg, M. (1965). *Society and the adolescent self-image*. Princeton University Press.
- Sadiron, N., Kamaluddin, M. R., Sulaiman, W. S. W., Nasir, N. C. M., & Khairudin, R. (2023). Faktor psikologi dan keparahan penagihan dadah dalam kalangan penagih dadah di Semenanjung Malaysia. *Akademika*, 93(2), 3-16. <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9302-01>
- Shaheen, M., Iqbal, N., & Naseem, F. (2021). Self-esteem and attitude towards drug use among adolescents: A predictive analysis. *International Journal of Adolescence and Youth*, 26(1), 118-129.
- Sistem Ydata @IYRES. (n.d.). Ydata.iyres.gov.my. <https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=39>
- Siti Khadijah Makhsin, N. B. (2021). Pengaruh penghargaan sendiri dan kemurungan terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan remaja di salah sebuah Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN), Malaysia. *Malaysia Anti-drug Journal*, 127-146. <https://jurnal.adk.gov.my/wp-content/uploads/2021/12/Pengaruh-Penghargaan-Kendiri-dan-Kemurungan->

- terhadap-Kesejahteraan-Psikologi-dalam Kalangan-Remaja-di-salah-sebuah-pusat-Pemulihan-Penagihan-Narkotik-PUSPEN-Malaysia-.pdf
- Song, Y., Kim, D., Kim, Y., Kim, Y., Lee, E., & Lee, Y. (2024). The effects of depression and self-esteem on attitudes toward drugs in college students. *Journal of Health Informatics and Statistics*, 49(1), 46-53. <https://doi.org/10.21032/jhis.2024.49.1.46>
- Wadjar, M. (2023). Pengaruh Efikasi Kendiri dan Penghargaan Kendiri terhadap Kesiediaan Berubah Banduan Dadah Lelaki di Penjara Marang, Terengganu. In www.academia.edu. Retrieved on June 17th, 2024, from https://www.academia.edu/104635664/Pengaruh_Efikasi_Kendiri_dan_PenghargaanKendiri_terhadap_Kesediaan_Berubah_Banduan_Dadah_Lelaki_di_Penjara_Marang_Terengganu
- Yu, H., Siegel, J. Z., Clithero, J. A., & Crockett, M. J. (2021). How peer influence shapes value computation in moral decision-making. *Cognition*, 211, 104641. <https://doi.org/10.1016/j.cognition.2021.104641>
- Zeng, L., Zhou, X., Lei, Y., & Chen, J. (2024). Addiction memory, family functioning, and depression in illicit drug users: Self-esteem as a mediator. *Behavioral Sciences*, 14(12), 1185. <https://doi.org/10.3390/bs14121185>